

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1988/1989

BSI 462/2 Ekologi Hidupan Liar dan Pengurusannya

Tarikh: 3 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

Bahagian A adalah Wajib dan mengandungi DUA soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

Bahagian B. DUA soalan mesti dijawab di mana tiap-tiap soalan bernilai 30 markah.

- 2 -

Bahagian A (Wajib)

1. Terangkan secara ringkas tentang taksonomi, ekologi dan pengurusan bagi dua daripada haiwan yang disenaraikan di bawah:-

- (a) Burung lilit/kenyalang
- (b) Buaya tembaga
- (c) Tuntung.

(20 markah)

2. Dengan merujukkan kepada satu contoh haiwan spesifik, terangkan secara ringkas tentang kes:-

- (a) Kaedah kajian mengenai populasi haiwan yang dipilih.
- (b) Sifat kewilayahannya haiwan tersebut
- (c) Kaedah kajian tentang pergerakan haiwan tersebut.

(20 markah)

Bahagian B (Jawab DUA soalan dari yang berikut:)

3. Beberapa spesies hidupan liar yang dilindungi telah dikenalpastikan sebagai haiwan perosak. Bincangkan bagaimana perkara ini boleh terjadi dan bagaimakah langkah yang perlu diambil untuk mengurangi kerosakan oleh haiwan perosak ini. Berikan contoh spesifik selain daripada tikus di dalam perbincangan anda.

(30 markah)

4. (a) Bincangkan tentang keperluan ekologi badak kerbau (Didermocerus sumatrensis) di habitat alamiahnya.

(b) Suatu projek untuk menyelamatkan badak kerbau (Didermocerus sumatrensis) telah dijalankan di Sungai Dusun oleh Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara. Bincangkan:-

(i) Apakah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di Sungai Dusun?

(ii) Apakah kepentingan projek ini?

(30 markah)

5. Sebanyak 476 spesies burung di Malaysia disenaraikan sebagai burung-burung yang diperlindungi sepenuhnya.

(a) Mengapa logik banyak spesies burung telah disenaraikan kalau dibandingkan dengan haiwan-haiwan lain?

(b) Apakah langkah-langkah yang perlu dijalankan bagi mempastikan burung-burung diperlindungi sepenuhnya tidak akan pupus?

(c) Terangkan dua projek burung yang dikendalikan oleh Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara yang sedang dijalankan di Malaysia.

(30 markah)